

06 JAN 2001

Kadir-Kabinet (Bergambar)

KADIR TIDAK TAHU SPEKULASI AKAN BERTUKAR KEMENTERIAN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini berkata beliau tidak tahu yang beliau adalah antara Menteri yang terlibat dalam rombakan Kabinet yang hangat diperkatakan

"Saya sendiri tak dengar `rumours' (desas-desus) begitu...dan saya rasa tidak ada sebab untuk rombakan Kabinet," katanya ketika diminta mengulas ura-ura bahawa beliau akan ditukarkan ke Kementerian lain.

Kabinet yang ada sekarang masih baru dan hanya berusia satu tahun, katanya.

"Tetapi mungkin Perdana Menteri ada pandangan lain, saya tak tahu. Tak apalah, dalam sistem kita, kita patuh pada keputusan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita di Majlis Rumah Terbuka Malaysia - Aidilfitri di Istana Budaya di Jalan Tun Razak di sini, hari ini.

Antara yang hadir ialah Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, para perwakilan asing, pelancong luar dan tempatan.

Kadir berkata peletakan jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman semalam merupakan satu kejutan kerana beliau tidak mendengar sebarang berita sebelum ini.

Dr Hamid mengumumkan semalam bahawa beliau telah menyerahkan surat peletakan jawatannya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum Perdana Menteri berlepas ke Myanmar, Rabu lepas.

Menurut Kadir, sebagai anggota Kabinet, beliau akan meneruskan tugas seperti biasa dan menunggu arahan Perdana Menteri jika ada sebarang rombakan atau pertukaran tugas.

Baru-baru ini, Dr Mahathir telah menafikan akan berlakunya rombakan Kabinet tetapi perletakan jawatan Dr Abdul Hamid terus membangkitkan spekulasi akan berlakunya rombakan.

Kadir berkata, keputusan Dr Abdul Hamid itu merupakan satu perkembangan yang mengejutkan kerana beliau telah menjalankan tugas dengan baik dan berkesan.

Dr Mahathir mungkin mempunyai sesuatu tugas khas lain yang penting untuk diberikan kepada Dr Abdul Hamid.

"Kadangkala, seseorang itu tak boleh jalankan tugas berkesan kalau jadi Menteri dan pada masa sama mempunyai tanggungjawab lain. Mungkin selepas berhenti, Perdana Menteri guna tenaga dan kebolehan beliau untuk menguatkan parti," katanya.

-- BERNAMA

AR AZZ PR